12	10 Ogos 2020	Mesyuarat Pasukan Kajian Bil.4/2020	Dewan Seri Ismail, Resort Sayong, Kuala Kangsar	
13	11 & 12 Ogos 2020	Mesyuarat Penglibatan Kumpulan Sasar (FGD) Peringkat Laporan Analisis dan Strategi Pembangunan (LASP)	Dewan Jubli Perak, Daerah Kuala Kangsar	
14	26-28 Ogos 2020	Taklimat Khas & Kajian Lapangan di Empangan Chenderoh dan Persisiran Sungai Perak		
15	9-11 September 2020	Sesi Semakan Data & Maklumat Sektor GIS Peringkat Draf LASP		
16	17-18 September 2020	Program Pemantapan Draf LASP		
17	1-2 Oktober 2020	Mesyuarat Pra-Jawatankuasa Penyelaras Teknikal Peringkat LASP (Siri 1)		
18	7 Oktober 2020	Mesyuarat Pra-Jawatankuasa Penyelaras Teknikal Peringkat LASP (Siri 2)		
19	22 Oktober 2020	Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras Teknikal (JPT) Peringkat LASP		
20	22 Disember 2020	Mesyuarat Pasukan Kajian Bil.5/2020		

## MESYUARAT PENYELARASAN DAN PENYEDIAAN PETA ASAS DATA GUNA TANAH & KOMITED BILIK MESYUARAT UTAMA MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR

Pada 26-27 Februari 2020, Mesyuarat Penyelarasan dan Penyediaan Peta Asas Data Guna Tanah & Komited telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama MPKK yang dipengerusikan oleh Pengurus Projek, Puan Norhayati binti Abu Bakar. Lawatan tapak juga telah dijalankan di beberapa mukim iaitu di Kota Lama Kanan, Kota Lama Kiri, Kg. Buaya, Chegar Galah dan Senggang.




## MESYUARAT JAWATANKUASA PENYELARASAN TEKNIKAL BIL.1/2020 : PERINGKAT LPK BILIK MESYARAT ROYAL BELUM, PLANMALAYSIA@PERAK

Pada 11 Jun 2020, Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Teknikal Bil.1/2020 bagi peringkat Laporan Pendekatan Kajian (LPK) Kajian RTDaerah Kuala Kangsar 2035 (Penggantian) telah diadakan di Bilik Mesyuarat Royal Belum, PLANMalaysia@Perak yang dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah PLANMalaysia @ Perak, Tuan Haji Mustaffa Kamal bin Mohd Ali. LPK ini bertujuan bagi memastikan skop dan hala tuju penyediaan RTDKK2035 ini menepati keperluan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) iaitu Majlis Perbandaran Kuala Kangsar (MPKK), PLANMalaysia@Perak serta Kerajaan Negeri Perak.



## MESYUARAT PENYELARASAN & VERIFIKASI MAKLUMAT PETA ASAS SECARA ONLINE

Pada 23 Jun 2020, Mesyuarat Penyelarasan & Verifikasi Maklumat Peta Asas secara online bersama Pejabat Projek Zon Tengah (PPZT), Majlis Perbandaran Kuala Kangsar, JUPEM Perak serta Perunding AJM Planning yang dipengerusikan oleh Pengarah PPZT, Encik Mohamed Zamri bin Mohd Zain.



## SESI PERJUMPAAN BERSAMA PENGHULU-PENGHULU MUKIM PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUALA KANGSAR

Pada 13-15 Julai 2020, Sesi Perjumpaan Bersama Penghulu-Penghulu Mukim di dalam Daerah Kuala Kangsar telah dijalankan di Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Kangsar



## MESYUARAT PENGLIBATAN KUMPULAN SASAR(FGD) : PERINGKAT LASP DEWAN JUBLI PERAK, KUALA KANGSAR

Pada 11-12 Ogos 2020, Mesyuarat Penglibatan Kumpulan Sasar (FGD bersama agensi teknikal negeri dan daerah bagi peringkat Laporan Analisis dan Strategi Pembangunan (LASP) di Dewan Jubli Perak, Kuala Kangsar. Dirasmikan oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Kangsar, Tuan Zulqarnain bin Mohamad.



### PERBINCANGAN PENGLIBATAN KUMPULAN SASAR (PROGRAM FGD) DAN LAWATAN TEKNIKAL BAGI KAJIAN LAPANGAN (LAWATAN MENYUSURI SUNGAI PERAK PADA 26 OGOS 2020)

Menaiki bot Jabatan Pengairan Sungai (JPS) bersama pasukan kajan RTD Kuala Kangsar 2035 (Penggantian) iaitu Pejabat Projek Zon Tengah, MPKK dan Perunding (APUDG) menyusuri Sungai Perak dari Jambatan Victoria ke Hentian Rehat dan Rawat Kuala Kangsar (Selatan) bagi melihat keadaan semasa sepanjang Sungai Perak.



### PERBINCANGAN PENGLIBATAN KUMPULAN SASAR (PROGRAM FGD) DAN LAWATAN TEKNIKAL BAGI KAJIAN LAPANGAN (LAWATAN KE EMPANGAN CHENDEROH PADA 27 OGOS 2020)

Empangan Chenderoh atau juga dikenali sebagai Stesen Janakuasa Chenderoh terletak di Tasik Chenderoh, kira-kira 30 kilometer dari Kuala Kangsar. Empangan ini dibina dipertengahan tahun 1920-an sebagai skim tenaga hidroelektrik untuk kawasan Lembah Kinta dan dianggap sebagai projek pembinaan terbesar di Semenanjung Tanah Melayu diketika itu. Empangan Chenderoh merupakan empangan hidroelektrik dan stesen janakuasa tertua di Malaysia. Taklimat berkaitan dengan sejarah dan operasi Empangan Chenderoh disampaikan oleh Pengurus Stesen.



### **PERBINCANGAN PENGLIBATAN KUMPULAN SASAR (PROGRAM FGD) DAN LAWATAN TEKNIKAL BAGI KAJIAN LAPANGAN (LAWATAN KE ENZA GARDEN ASIA RESEARCH & DEVELOPMENT DI KAMPUNG BIONG, SAUK)**

Enza Garden, sebuah syarikat pembiakan sayur-sayuran Belanda, telah memilih Perak untuk penyelidikan dan pengembangan (R&D) pertamanya dan pusat pembiakan dataran tinggi di Asia Tenggara. Di antara biji sayuran yang sedang diuji adalah seperti cili, bawang merah, tomato, terung, jagung, kacang panjang, tembikai, dan labu. Keputusan untuk membina pusat di Sauk di sini dibuat setelah kajian mendalam mengenai keperluan alam sekitar, kata ketua Jawatankuasa Pertanian negeri. Inisiatif ini juga mendapat kerjasama dari Lembaga Pelaksana Koridor Utara (NCIA)



### **PERBINCANGAN PENGLIBATAN KUMPULAN SASAR (PROGRAM FGD) DAN LAWATAN TEKNIKAL BAGI KAJIAN LAPANGAN (LAWATAN KE SENI TEKAT BENANG EMAS WARISAN PERAK, KUALA KANGSAR PADA 27 OGOS 2020)**

Seni tekat yang juga dikenali dengan nama bersujia amat popular dalam pembuatan untuk kegunaan dalam pakaian buat Sultan Perak pada satu ketika dahulu. Seni tekat dikenali juga dengan nama bersuji. Menekat merupakan kerja menyulam benang emas ke atas kain dasar (jenis baldu). Kerja-kerja menekat memerlukan pemidang untuk meregangkan kain baldu, mempurul sebagai acuan motif dan benang emas untuk membentuk bunga tekat.



**PERBINCANGAN PENGLIBATAN KUMPULAN SASAR (PROGRAM FGD) DAN LAWATAN TEKNIKAL BAGI KAJIAN LAPANGAN (LAWATAN KE POS KUALA MU, SUNGAI SIPUT PADA 17 – 18 SEPTEMBER 2020)**

Sesi taklimat bersama pegawai JAKOA Sungai Siput (U) dan Tok Batin Kuala Mu dan lawatan sekitar POS Kuala Mu. Sesi taklimat berkenaan dengan POS Kuala Mu dan kawasan penempatan Orang Asli disampaikan oleh En.Khairul Annuar Pegawai JAKOA Negeri Perak manakala Tok Batin En Hadu memberi taklimat berkenaan projek chalet bersah yang telah dijalankan oleh penduduk Kuala Mu.



**KAJIAN RANCANGAN TEMPATAN DAERAH BAGAN DATUK 2035 (PENGANTIAN)**

RANCANGAN TEMPATAN DAERAH BAGAN DATUK 2035 (PENGANTIAN)				
BIL	TARIKH	PERKARA	TEMPAT	CATATAN
1	25 Jun 2020	Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras Teknikal Bil.1/2020 Peringkat Laporan Pendekatan Kajian (LPK)	Bilik Mesyuarat Royal Belum, PLANMalaysia@Perak	
2	5-6 Ogos 2020	Mesyuarat Penglibatan Kumpulan Sasar Peringkat Laporan Analisis dan Strategi Pembangunan (LASP)	Hotel Grand Court, Teluk Intan	
3	1-2 September 2020	Taklimat dan Lawatan Teknikal Bagi Kajian Lapangan di Daerah Hilir Perak	Majlis Perbandaran Teluk Intan	
4	26 Oktober 2020	Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras Teknikal Bil.2/2020 Peringkat Laporan Analisis dan Strategi Pembangunan (LASP)	Bilik Mesyuarat Pusat Transformasi Bandar (UTC)	

Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras Teknikal Bil.1/2020 Peringkat Laporan Pendekatan Kajian telah diadakan pada 25 Jun 2020 bertempat di Bilik Mesyuarat Royal Belum PLANMalaysia@Perak. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh TPr. Jasmiah bt Ismail selaku Pengarah PLANMalaysia@Perak. Mesyuarat telah dihadiri oleh pasukan kajian, pasukan perunding serta jabatan / agensi teknikal peringkat Negeri Perak. Mesyuarat ini bertujuan untuk mendapatkan maklumbalas dan pandangan terhadap Draf Laporan Pendekatan Kajian yang telah disediakan.



## MESYUARAT PENGLIBATAN KUMPULAN SASAR PERINGKAT LAPORAN ANALISIS DAN STRATEGI PEMBANGUNAN BAGI KAJIAN RANCANGAN TEMPATAN DAERAH HILIR PERAK 2035

Pada 5-6 Ogos 2020, satu Mesyuarat Penglibatan Kumpulan Sasar Peringkat Laporan Analisis dan Strategi Pembangunan bagi kajian Rancangan Tempatan Daerah Hilir Perak 2035 telah diadakan di Grand Court Hotel Teluk Intan bersama Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI) , Pejabat Projek Zon Tengah (PPZT), Perunding IZM Consult, Jabatan / Agensi Teknikal dan juga wakil-wakil penduduk. Tujuan mesyuarat ini diadakan bagi mendapatkan pandangan untuk memantapkan lagi Laporan Analisis dan Strategi Pembangunan ini.



## LAWATAN TAPAK DI PULAU BANGAU ( 5 OGOS 2020)

Pada 1-2 September 2020, satu Taklimat dan Lawatan Teknikal Bagi Kajian Lapangan di Daerah Hilir Perak telah dijalankan. Program ini hanya melibatkan PLANMalaysia@Perak dan Majlis Perbandaran Teluk Intan. Bertujuan untuk mendapatkan input dan maklumat serta membuat tinjauan dan pemerhatian tentang keadaan semasa di tapak bersama pihak Majlis. Program ini diketuai oleh Timbalan Pengarah PLANMalaysia@ Perak, Tn. Hj. Mustaffa Kamal bin Mohd Ali.



## MESYUARAT JAWATANKUASA PENYELARASAN TEKNIKAL BIL.2/2020 PERINGKAT LAPORAN ANALISIS DAN STRATEGI PEMBANGUNAN (LASP)

Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Teknikal Bil.2/2020 Peringkat Laporan Analisis dan Strategi Pembangunan (LASP) telah diadakan pada 26 Oktober 2020 bertempat di Bilik Mesyuarat Pusat Transformasi Bandar (UTC). Mesyuarat di penguruskan oleh TPr. Jasmiah binti Ismail selaku Pengarah PLANMalaysia@Perak. Mesyuarat ini dijalankan bagi mendapatkan maklumbalas dan pandangan daripada jabatan / agensi teknikal yang terlibat terhadap Laporan Analisis dan Strategi Pembangunan (LASP) yang telah disediakan oleh pasukan perunding.



## KAJIAN RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KERIAN 2035

RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KERIAN 2035				
BIL	TARIKH	PERKARA	TEMPAT	CATATAN
1	17-18 Februari 2020	Mesyuarat Semakan Akhir Bagi Memuktamadkan Laporan Draf Rancangan Tempatan	Bilik Mesyuarat Gua Tempurung, PLANMalaysia@Perak	
2	18 Jun 2020	Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) Bil.2/2020	Bilik Gerakan Negeri , PSUK	LKJSTP & Draf RT Daerah Kerian 2035 diluluskan.
3	29 Julai 2020	Perbincangan Draf Rancangan Tempatan Daerah Kerian 2035	Bilik Mesyuarat Gua Tempurung, PLANMalaysia@Perak	
4	5 November 2020	Mesyuarat Semakan Akhir Bagi Memuktamadkan Laporan Rancangan Tempatan	Bilik Mesyuarat Gua Tempurung, PLANMalaysia@Perak	

## RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KERIAN 2035 (PENGGANTIAN)

Pada 18 Jun 2020, Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) Bil.2/2020 telah diadakan di Bilik Gerakan Negeri, PSUK yang dipengerusikan oleh Menteri Besar Perak, Dato' Seri Ahmad Faizal bin Azumu dimana telah meluluskan Laporan Keputusan Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran (LKJSTP) dan Laporan Draf RT Daerah Kerian 2035 untuk diangkat ke MMKN untuk pewartaan.



## UNIT PROJEK KHAS

### SENARAI RANCANGAN PERKAMPUNGAN TERSUSUN RPT 2020:

1. CADANGAN SKIM LOT PERUMAHAN PERAKKU (SLPP) ULU CHEMOR TAMBAHAN
2. CADANGAN SKIM LOT PERUMAHAN PERAKKU (SLPP) GUA BADAK, MUKIM LENGGONG, DAERAH HULU PERAK
3. PELAN SUSUNATUR SKIM LOT PERUMAHAN PERAKKU (SLPP) BAGI RANCANGAN PERKAMPUNGAN TERSUSUN (RPT) DI WILAYAH SENGGANG
4. PELAN SUSUNATUR SKIM LOT PERUMAHAN PERAKKU (SLPP) BAGI RANCANGAN PERKAMPUNGAN TERSUSUN (RPT) DI WILAYAH BAGAN TIANG
5. PELAN SUSUN ATUR BAGI TUJUAN PEMBERIMILIKAN TANAH KERAJAAN DI RPB BATU MASJID, MUKIM CHENDERIANG, BATANG PADANG

### CADANGAN SKIM LOT PERUMAHAN PERAKKU (SLPP) ULU CHEMOR TAMBAHAN

TARIKH	:	13 OGOS 2020 (KHAMIS)
MASA	:	10.00 PAGI
TEMPAT	:	TINGKAT 3, BILIK MESYUARAT ROYAL BELUM JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA, BANGUNAN SERI PERAK.
PENGURUSI	:	MUSTAFFA BIN MOHD ALI TIMBALAN PENGARAH, JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA PERAK DARUL RIDZUAN

**KEADAAN PERSEKITARAN TAPAK**

TARIKH	:	09 OKTOBER 2020 (JUMAAT)
MASA	:	10.00 PAGI
TEMPAT	:	TINGKAT 3, BILIK MESYUARAT ROYAL BELUM JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA, BANGUNAN SERI PERAK.
PENGURUSI	:	MUSTAFFA KAMAL BIN MOHD ALI TIMBALAN PENGARAH, JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA PERAK DARUL RIDZUAN

**KEADAAN PERSEKITARAN TAPAK**

### PELAN SUSUNATUR SKIM LOT PERUMAHAN PERAKKU (SLPP) BAGI RANCANGAN PERKAMPUNGAN TERSUSUN (RPT) DI WILAYAH BAGAN TIANG



### PELAN SUSUNATUR SKIM LOT PERUMAHAN PERAKKU (SLPP) BAGI RANCANGAN PERKAMPUNGAN TERSUSUN (RPT) DI WILAYAH SENGGANG



Keadaan  
Persekutuan  
Tapak

### PELAN SUSUN ATUR BAGI TUJUAN PEMBERIMILIKAN TANAH KERAJAAN DI RPB BATU MASJID, MUKIM CHENDERIANG, BATANG PADANG




PLANMalaysia@Perak telah mencadangkan satu keperluan penyediaan kajian berbentuk 'Coffee Table' yang mengandungi maklumat berbentuk morfologi Pembangunan Pekan-Pekan Kecil di Negeri Perak. Pada asasnya 'Coffee Table' mengandungi statistik dan maklumat asas Pekan-Pekan Kecil atau tempat terutamanya dalam sejarah, perancangan, budaya, ekonomi awal dan lokasi-lokasi menarik disokong dengan ilustrasi dan fotografi menarik yang boleh menjadi satu media perkongsian informasi promosi kepada orang ramai. Maklumat berinformasi lazimnya disampaikan dalam bentuk yang lebih ringan yang membantu memberi gambaran penuh berhubung Pekan-Pekan Kecil atau tempat berkenaan. Dalam kajian ini, jabatan telah memilih skop perancangan bandar dan sejarah perancangan awal sesuatu Pekan-Pekan Kecil yang boleh dijadikan rujukan. Ia mengetengahkan bagaimana peranan perancangan bandar sebagai salah satu aspek yang memberi pengaruh terhadap perkembangan sesuatu Pekan-Pekan Kecil di Negeri Perak. Selain daripada itu, skop-skop lain seperti aspek merfologi bagi budaya, sosial,topografi dan ekonomi masih tetap menjadi sebahagian perkara yang akan dimuatkan dalam kajian ini. Senarai Nama Pekan-Pekan Kecil



### PENYEDIAAN RINGKASAN EKSEKUTIF, BANNER DAN BUNTING "COFFEE TABLE BOOK"



### CETAKAN AKHIR LAPORAN RANCANGAN STRUKTUR NEGERI PERAK DAN FLASHCARD/USB RSN





## AKTIVITI/PROGRAM BAHAGIAN KAWALAN PERANCANGAN GEOSPATIAL DAN ICT


## PERMOHONAN PERANCANGAN

Pada tahun 2020, sebanyak 1,741 permohonan telah diproses sehingga bulan Disember 2020 oleh jabatan ini. Permohonan yang telah diproses adalah terdiri daripada Pelan Susun Atur (317), Pelan Pinta Ukur (40), Permohonan Tanah (1,348), Pampasan Tanah (5) dan Ulasan terhadap EIA (31).

Jadual di bawah menunjukkan jumlah permohonan perancangan yang diproses bagi tempoh Januari hingga Disember 2020:-

Bulan	Susun Atur (SA)	Pinta Ukur (PU)	Permohonan Tanah (PT)	Pampasan Tanah (PP)	EIA	Jumlah
Januari	36	6	112	0	4	158
Februari	34	7	161	0	2	204
Mac	23	9	47	0	2	81
April	<b>Tiada terima permohonan</b> (Pematuhan terhadap arahan Perintah Kawalan Pergerakan (Covid-19))					
Mei	9	3	31	0	0	43
Jun	27	3	100	0	2	132
Julai	37	2	138	2	1	180
Ogos	30	1	147	0	3	181
September	25	3	123	1	2	154
Oktober	44	3	169	2	8	226
November	24	3	142	0	4	173
Disember	28	0	178	0	3	209
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>317</b>	<b>40</b>	<b>1348</b>	<b>5</b>	<b>31</b>	<b>1741</b>

BILANGAN DAN PERATUSAN PERMOHONAN PADA TAHUN 2020



## MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERANCANGAN (JKP)

Pengarah PLANMalaysia@Perak berperanan sebagai Pihak Berkuasa Perancang Tempatan bagi kawasan di luar Pihak Berkuasa Tempatan selaras dengan subseksyen 5(2) Akta 172. Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perancangan (JKP) telah diadakan sebanyak 4 kali dan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perancangan (JKP) Khas sebanyak 2 kali dengan keputusan mesyuarat adalah seperti berikut :

BIL.	BIL. MESYUARAT JKP / TARikh	BIL. PERMOHONAN		KEPUTUSAN MESYUARAT		
		BARU	BERBANGKIT	LULUS	TOLAK	TANGGUH / LULUS BERSYARAT
1.	Bil. 1/2020 7 Februari 2020	1	-	1	-	-
2.	Bil. 2/2020 19 Jun 2020	4	-	-	-	4
3.	Bil. 3/2020 19 Ogos 2020	3	4	-	1	6
4.	Khas Bil.1/2020 19 Oktober 2020		1	-	-	1
5.	Bil. 4/2020 3 November 2020	8	7	1	2	12
6.	Khas Bil.2/2020 22 Disember 2020	1	-	1	-	-
<b>Jumlah permohonan</b>		<b>17</b>		<b>3</b>	<b>3</b>	

## GARIS PANDUAN PERANCANGAN DAN PIAWAIAN PERANCANGAN NEGERI PERAK SERTA KAEADAH-KAEADAH

Jadual berikut menunjukkan Garis Panduan Perancangan Dan Piaawaiian Perancangan yang digunakan di Negeri Perak :

BIL .	GARIS PANDUAN PERANCANGAN (GPP)/ PIAWAIAN PERANCANGAN (PP)	KELULUSAN JPN	KELULUSAN MMKN
1.	GP Kawasan Kolam Takungan Sebagai Sebahagian Tanah Lapang	Bil.3/1997 21.10.1997	Bil.1348 8.9.1999
2.	GP & PP Pembangunan Di Kawasan Persisiran Pantai	Bil.3/1997 21.10.1997	Bil.1348 8.9.1999
3.	PP Kemudahan Asas Dan Fizikal Berkaitan Program Rakan Muda	Bil.3/1997 21.10.1997	Bil.1348 8.9.1999
4.	GP Perancangan Perusahaan Ternakan Khinzir	Bil.3/1997 21.10.1997	Bil.1348 8.9.1999
5.	PP Tempat Ibadat Islam	Bil.3/1997 21.10.1997	Bil.1348 8.9.1999
6.	PP Tapak Pencawang Elektrik	Bil.1/1998 19.2.1998	Bil.1348 8.9.1999
7.	GP Perancangan Tapak Incinerator	Bil.1/1998 19.2.1998	Bil.1348 8.9.1999
8.	GP Tapak Pelupusan Sisa Toksid dan Sisa Pejejal	Bil.1/1998 19.2.1998	Bil.1348 8.9.1999
9.	GP Perancangan Perumahan Pekerja Kilang	Bil.2/1998 29.6.1998	Bil.1348 8.9.1999
10.	PP Kawasan_Perindustrian	Bil.2/1998 29.6.1998	Bil.1348 8.9.1999
11.	GP Untuk Pengkelasaran Cerun Bukit Batu Kapur dan Zon Keselamatan	Bil.4/1998 12.11.1998	Bil.1348 8.9.1999
12.	GP Perancangan Tanah Perkuburan Islam Dan Bukan Islam	Bil.1/1999 23.2.1999	Bil.1348 8.9.1999
13.	GP Laporan Cadangan Pemajuan	Bil.1/1999 23.2.1999	Bil.1348 8.9.1999
14.	PP Tanah Lapang & Rekreasi	Bil.2/1999 25.5.1999	Bil.1348 8.9.1999
15.	GP & PP Taman Industri Teknologi Tinggi & Rumah Pekerja	Bil.1/2003 29.1.2003	Bil.1348 8.9.1999
16.	GP Pembangunan Perumahan	Mesyuarat JK Perancangan & Pembangunan JPBD.Pk Bil.3/99 Bertarikh 25.10.1999	
17.	GP Kebenaran Merancang Bagi Pembangunan Perumahan Sedia Wujud Tanpa Kebenaran	Bil.2/2000 28.8.2000	Bil.1379 28.2.2001
18.	GPP Pembangunan Sejagat (Edisi Kedua)	Bil.1/2001 12.2.2001	Bil.1398 17.7.2002

BIL .	GARIS PANDUAN PERANCANGAN (GPP)/ PIAWAIAN PERANCANGAN (PP)	KELULUSAN JPN	KELULUSAN MMKN
19.	GP & PP Kawasan Pantai	Bil.2/2002 5.6.2002	Bil.879/2002 27.11.2002
20.	GP Perancangan Kemudahan Pembetungan	Bil.3/2002 21.8.2002	Bil.84/2003 12.2.2003
21.	GP & PP Kawasan Tasik	Bil.3/2002 21.8.2002	Bil.85/2003 19.2.2003
22.	GP & PP Tanah Lapang & Rekreasi	Bil.3/2002 21.8.2002	Bil.86/2003 19.2.2003
23.	GPP Kawasan Rizab Sungai Sebagai Sebahagian Tanah Lapang Awam	Bil.2/2003 26.3.2003	-
24.	PP Kedai Kos Rendah (Kedai Rakyat) -PLANMalaysia@Perak	Bil.1/2006 6.4.2006	Bil.1497 10.5.2006
25.	GPP & Pembangunan Taman Awam & Rekreasi Bertema	Bil.2/2005 16.6.2005	Bil.1482 7.9.2006
26.	GP & PP Reka Bentuk Imej Bandar	Bil.2/2005 16.6.2005	Bil.1482 7.9.2006
27.	GP Keperluan Kebenaran Merancang Bagi Aktiviti Asrama Pekerja & Pelajar di Premis Kediaman -PLANMalaysia@Perak	Bil.1/2007 26.2.2007	Bil.1521 23.5.2007
28.	GPP Papan Iklan Luar	Bil.2/2009 14.8.2009	Bil.1599 3.11.2009
29.	GPP Pembangunan di Kawasan Bukit & Tanah Tinggi	Bil.1/2010 18.3.2010	Bil.1622 26.5.2010
30.	Panduan Pelaksanaan Pengecualian Kebenaran Merancang (ExPA)	Bil.3/2011 12.12.2011	Dipersetujui untuk digunakan di Negeri Perak tanpa perlu kelulusan MMKN
31.	Panduan Pelaksanaan Reka Bentuk Bandar Selamat Melalui CPTED	Bil.1/2012 9.4.2012	Dipersetujui untuk digunakan di Negeri Perak tanpa perlu kelulusan MMKN
32.	GPP Gated Community & Guarded Neighbourhood	Bil.3/2010 16.12.2010	Bil.1725 5.12.2012
33.	GPP Kejiranan Hijau	Bil.1/2012 21.5.2012	Bil.1725 5.12.2012
34.	GPP Pembangunan Semula Kawasan Brownfield	Bil.2/2012 8.10.2012	Bil.1725 5.12.2012
35.	GPP Reka Bentuk Sejagat	Bil.2/2012 8.10.2012	Bil.1725 5.12.2012
36.	GP & PP Rancangan Perkampungan Tersusun (RPT) & Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) -PLANMalaysia@Perak	Bil.1/2012 21.5.2012	Bil.1725 5.12.2012

BIL .	GARIS PANDUAN PERANCANGAN (GPP)/ PIAWAIAN PERANCANGAN (PP)	KELULUSAN JPN	KELULUSAN MMKN
37.	GPP Premis Burung Walit (Swiftlet) Neg. Perak	Bil.1/2011 21.3.2011	Bil.1726 12.12.2012
38.	GPP Ternakan Ikan Hiasan – Ikan Arowana Negeri Perak	-	Bil.1729 23.1.2013
39.	GP Penubuhan Tadika & Taska	Bil.3/2012 10.12.2012	Bil.1734 20.2.2013
40.	GP Penubuhan Tadika & Taska (Syarat-Syarat Penubuhan di Bangunan Bertingkat)	Bil.3/2012 10.12.2012	Bil.1734 20.2.2013
41.	GP Taman Atas Bumbung	Bil.1/2013 18.7.2013	Bil.1819 17.6.2015
42.	GP Taman Tema	Bil.1/2013 18.7.2013	Bil.1819 17.6.2015
43.	GPP Terminal Kenderaan Berat	Bil.2/2013 26.9.2013	Bil.1819 17.6.2015
44.	GPP Lorong Belakang	Bil.2/2016 20.6.2016	Bil.1865 27.7.2016
45.	GPP Kemudahan Masyarakat	Bil.2/2016 20.6.2016	Bil.1865 27.7.2016
46.	GPP Kawasan Perdagangan	Bil.1/2017 27.2.2017	Bil.1895 12.4.2017 (Edisi 2016)
47.	Manual SIA (Edisi Kedua)	Bil.3/2017	Bil.1928
48.	GPP Kawasan Perdagangan (Perubahan & Addendum)	Bil.3/2017 7.11.2017	Bil.1928 24.1.2018
49.	GPP Padang Golf	Bil.2/2018 27.8.2018	Bil.1959 23.1.2019
50.	GPP Tempat Letak Kenderaan	Bil.2/2018 27.8.2018	Bil.1959 23.1.2019
51.	GPP Fizikal Warga Emas	Bil.3/2018 8.11.2018	Bil.1959 23.1.2019
52.	GPP Chalet Atas Air	Bil.3/2018 8.11.2018	Bil.1959 23.1.2019
53.	GPP Ladang Solar Negeri Perak	Bil.4/2019 25.11.2019	Bil.1995 1.7.2020

Jadual berikut menunjukkan Kaedah-kaedah yang digunakan di Negeri Perak :

BIL	KAEDAH DAN ENAKMEN	TARIKH WARTA	TARIKH KUATKUASA	CATATAN
1.	Kaedah-Kaedah Lembaga Rayuan Negeri Perak 1991	27.6.1991	27.6.1991	Pk.PU.21
2.	Kaedah-Kaedah Lembaga Rayuan Negeri Perak (Pindaan) 1993	9.11.1995	9.11.1995	Pk.PU.15
3.	Kaedah-Kaedah Lembaga Rayuan Negeri Perak (Pindaan) 2000	2.3.2000	2.3.2000	Pk.PU.3
4.	Kaedah-Kaedah Lembaga Rayuan Negeri Perak (Pindaan) 2005	22.12.2005	22.12.2005	Pk.PU.38
5.	Kaedah-Kaedah Kawalan Kawalan Perancangan (AM) Negeri Perak 2010	30.12.2010	30.12.2010	Pk.PU.55
6.	Kaedah-Kaedah Perintah Pemeliharaan Pokok Negeri Perak 2011	30.12.2011	30.12.2011	Pk.PU.40
7.	Kaedah-Kaedah Rancangan Kawasan Khas Negeri Perak 2013, Kaedah-Kaedah Kawalan Perancangan (Pengurusan Pesisiran Pantai) Negeri Perak 2013, Kaedah-Kaedah Kawalan Perancangan (Pemajuan Tanah Tinggi dan Lereng Bukit) Negeri Perak 2013 & Kaedah-Kaedah Kawalan Perancangan (Pemajuan Tanah dan Bangunan Yang Mempunyai Kepentingan Sejarah Atau Seni Bina) Negeri Perak 2013	15.8.2013	15.8.2013	Pk.PU.41- 44
8.	Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan Negeri Perak 2013	5.12.2013	1.1.2014	Pk.PU.63 (Caj Pemajuan 25%)
9.	Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan Negeri Perak (Pindaan) 2014	29.12.2014	1.1.2015	Pk.PU.35 (Caj Pemajuan 10%)
10.	Kaedah - Kaedah Kelayakan Menyediakan & Mengemukakan Pelan, Butir - Butir & Dokumen Untuk Permohonan Kebenaran Merancang Negeri Perak	29.12.2014	29.12.2014	Pk.PU.36
11.	Enakmen Pengurusan Pesisir Pantai Perak 2016 & Enakmen Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak (LPHP) 2016	23.6.2016	23.6.2016	Enakmen 10 & Enakmen 11
12.	Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2017 [Akta A1522]	2.8.2018	17.1.2018	Pk.PU.44
13.	Kaedah-Kaedah Kawalan Perancangan (Am) Negeri Perak (Pindaan) 2019	28.2.2019	28.2.2019	Pk.PU.6 (Sumbangan Tanah Lapang)
14.	Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan Negeri Perak (Pindaan) 2019	15.8.2019	15.8.2019	Pk.PU.21 (Caj Pemajuan 7%)

Jadual berikut menunjukkan Pekeliling Setiausaha Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) yang digunakan di Negeri Perak :

BIL	PEKELILING SU JPN	TARIKH KUATKUASA
1.	Bil.1 Tahun 2009 - Penambahbaikan Ke Atas Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Pelan Susun Atur Melibatkan Kawasan Kurang Daripada 5 Ekar	11.8.2009
2.	Bil.1 Tahun 2015 - Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan Negeri Perak 2013 (Arahan Penyelarasan Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan Negeri Perak 2013)	23.1.2015
3.	Bil.1 Tahun 2018 - Penerimaapakaian Kod-Kod Peringkat Pematuhan Syarat-Syarat Permohonan Kebenaran Merancang	8.10.2018
4.	Bil.2 Tahun 2018 - Penyediaan Tanah Lapang Secara Fizikal Bagi Pembangunan Skim Perumahan Bertanah 2 Ekar Ke Bawah	11.12.2018

#### UNIT GEOSPATIAL & ICT

#### PENGEMASKINIAN PENERIMAAN CCC 2020

Pada tahun 2020, sebanyak 361 penerimaan CCC dari Pihak PBT dan telah dikemaskini sehingga bulan Disember 2020 oleh jabatan ini. Komponen yang telah dikemaskini adalah terdiri daripada Perumahan (287), Perniagaan (44), Perindustrian (11), Institusi & kemudahan (11) dan Lain-lain (8)

PIHAK BERKUASA TEMPATAN	KOMPONEN PEMBANGUNAN							
	Perumahan	Perniagaan	Perindustrian	Pertanian	Pembangunan Bercampur	Institusi & Kemudahan	Lain-lain	JUMLAH
MB Ipoh	194	25	8	-	-	6	4	237
MP Manjung	61	14	3	-	-	4	4	86
MP Taiping	6	1	-	-	-	-	-	7
MP Teluk Intan	-	-	-	-	-	-	-	-
MP Kuala Kangsar	-	-	-	-	-	-	-	-
MD Kerian	12	2	-	-	-	-	-	14
MD Batu Gajah	-	-	-	-	-	7	-	-
MD Kampar	-	-	-	-	-	1	1	-
MD Tanjung Malim	3	1	-	-	-	1	-	4
MD Tapah	-	-	-	-	-	-	-	-
MD Perak Tengah	-	-	-	-	-	1	-	-
MD Gerik	-	-	-	-	-	-	-	-
MD Lenggong	11	1	-	-	-	1	-	13
MD Selama	-	-	-	-	-	-	-	-
MD Pengkalan Hulu	-	-	-	-	-	-	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>287</b>	<b>44</b>	<b>11</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>11</b>	<b>8</b>	<b>361</b>

\* Nota: Lain-lain adalah pencawang masuk utama/ pengangkutan

#### PEMANTAUAN AKTIVITI GUNA TANAH DI LUAR KAWASAN PBT DI BAWAH SUBSEKSYEN 5(2), AKTA 172

Sepanjang tahun 2020, sebanyak 16 permohonan telah diterima daripada urusetia JKP. Daripada jumlah tersebut, 16 permohonan telah mendapat KM (C1) yang disenaraikan bagi pemantauan aktiviti guna tanah Permohonan Kebenaran Merancang kepada Pengarah perancangan Bandar dan Desa selaku PBPT di bawah subseksyen 5(2), Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) melibatkan permohonan di daerah seperti berikut ;

- i. Kuala Kangsar - 6
- ii. Muallim - 1
- iii. Perak Tengah - 4
- iv. Hulu Perak - 5

Hasil pemantauan mendapati keseluruhan aktiviti guna tanah adalah selaras dengan tujuan permohonan.

Bil	Mukim/Daerah	Tajuk Permohonan
1	Kota Lama Kiri, Kuala Kangsar	Permohonan KM bagi tujuan penyerahan balik dan pemberiman semula secara serentak di bawah seksyen 204D KTN untuk tujuan lot kediaman sesebuah di atas lot 3997 (4.39 ekar).
2	Kota Lama Kiri, Kuala Kangsar	Permohonan KM Bagi Cadangan Tukar Syarat dan Pecah Sempadan secara serentak untuk skim perumahan di atas lot 8165 (1.9496 ekar).
3	Sungai Siput, Kuala Kangsar	Permohonan KM Bagi Cadangan Pembinaan sebuah menara pemancar setinggi 76M di atas sebahagian lot 8049 (0.089 ekar).
4	Sungai Siput, Kuala Kangsar	Permohonan KM Bagi Cadangan Pembinaan sebuah menara pemancar setinggi 76M di atas se lot 2275 (0.089 ekar).
5	Lubuk Merbau, Kuala Kangsar	Permohonan KM Bagi Cadangan Pembinaan sebuah menara pemancar setinggi 76M di atas se lot 1255 (0.089 ekar).
6	Chegar Galah, Kuala Kangsar	Permohonan KM Bagi Cadangan Pembinaan sebuah menara pemancar setinggi 76M di atas se lot 6079 (0.089 ekar).
7	Belanja, Perak Tengah	Permohonan KM Bagi Cadangan tukar syarat nyata tanah daripada tanaman komersial (Getah) kepada pertanian (Ternakan Ayam) secara reban tertutup di atas lot 10819 (4.15 ekar).
8	Belanja, Perak Tengah	Permohonan KM Bagi Cadangan tukar syarat nyata tanah daripada tanaman komersial (Getah) kepada pertanian (Ternakan Ayam) secara reban tertutup di atas lot 10813,10814,10815 dan 10823 (15.49 ekar).
9	Belanja, Perak Tengah	Permohonan KM Bagi Cadangan tukar syarat nyata tanah daripada tanaman komersial (Getah) kepada pertanian (Ternakan Ayam) secara reban tertutup di atas lot 10750 dan 10751 (5.13 ekar).

Bil	Mukim/ Daerah	Tajuk Permohonan
10	Belanja, Perak Tengah	Permohonan KM Bagi Cadangan tukar syarat nyata tanah daripada tanaman komersial (Getah) kepada pertanian (Ternakan Ayam) secara reban tertutup di atas lot 11599 (9.96 ekar).
11	Kerunai, Hulu Perak	Permohonan KM Bagi Cadangan Pembinaan sebuah menara pemancar untuk projek "Universal Services Provider (USP)" setinggi 76m di atas sebahagian lot 4121 (0.089 ekar).
12	Kerunai, Hulu Perak	Permohonan KM Bagi Cadangan Pembinaan sebuah menara pemancar untuk projek "Universal Services Provider (USP)" setinggi 76m di atas sebahagian lot 2139 (0.089 ekar).
13	Lenggong, Hulu Perak	Permohonan KM Bagi Cadangan Pembinaan sebuah menara pemancar untuk projek "Universal Services Provider (USP)" setinggi 76m di atas sebahagian lot 8284 (0.089 ekar).
14	Temelong, Hulu Perak	Permohonan KM Bagi Cadangan Pembinaan sebuah menara pemancar untuk projek "Universal Services Provider (USP)" setinggi 76m di atas sebahagian lot 2125 (2.9249 ekar).
15	Temelong, Hulu Perak	Permohonan KM Bagi Cadangan Pembinaan sebuah menara pemancar untuk projek "Universal Services Provider (USP)" setinggi 76m di atas sebahagian lot 4292 (0.8296 ekar).
16	Slim, Muallim	Permohonan KM Bagi Cadangan Penyerahan dan pemberiman semula secara serentak di bawah seksyen 204D (KTN1965) untuk tujuan kediaman (Lot Sesebuah) di atas lot 2312 (2.994 ekar).

#### PENGEMASKINIAN PEMBANGUNAN BAGI SISTEM MAKLUMAT GUNA TANAH BERSEPADU (I-PLAN)


Pada tahun 2020, PLANMalaysia telah menjalankan pengemaskinian pembangunan bagi sistem maklumat guna tanah bersepadu (i-plan) merangkumi aktiviti-aktiviti berikut:

Aktiviti	Catatan Aktiviti
Menjalankan Verifikasi Dan Pengumpulan Maklumat Gunatanah Bagi Sistem Maklumat Gunatanah Bersepadu (I-Plan) Bersama 15 PBT	<p>Sesi Verifikasi Bil.1/2020 (Data Julai - Disember 2019 dan Data Jan - Jun 2020) diadakan pada 1 - 2 Oktober 2020.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Keputusan Mesyuarat Penyelaras Penaksanaan I - Plan Bil.1/2020 pada 17 Jun 2020, pusingan kerja pengemaskinian data I - Plan adalah 1 kali setahun (PKP).</li> </ul>
Mesyuarat Kumpulan Kerja Data Geospatial Negeri Perak Bagi Pembangunan Sistem Maklumat Gunatanah Perancangan Bersepadu (I-Plan)	Mesyuarat Kumpulan Kerja Data Geospatial Negeri Perak Bil.1/2019 diadakan pada 8 Disember 2020
Pembetulan dan Penambahbaikan Basemap bagi Pembangunan Sistem Maklumat Gunatanah Perancangan Bersepadu (I-Plan)	Basemap Daerah Kuala Kangsar dan Daerah Manjung telah selesai dikemaskini.

## PROJEK PEMBANGUNAN ICT (P05) TAHUN 2020

Pada tahun 2020, jabatan telah memohon peruntukan di bawah Projek Pembangunan ICT (P05) untuk menaiktaraf Portal Laman Web jabatan. Permohonan tersebut telah diluluskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT Negeri (JPICT) yang dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Negeri Perak. Url portal jabatan telah bertukar dari <http://jpbd.perak.gov.my/jpbd> kepada <https://planmalaysia.perak.gov.my>. Pertukaran URL portal jabatan adalah selaras dengan nama jabatan yang telah dijenamakan semula iaitu PLANMalaysia@Perak. Portal jabatan telah dinaiktaraf bagi memenuhi kriteria Sistem Pemantauan Laman Web dan Servis Kerajaan (SPLASK) yang setiap bulan menilai portal agensi jabatan. Portal jabatan juga dipantau setiap bulan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM), SUK.

Hasil portal yang dinaiktaraf seperti paparan Laman Utama Portal PLANMalaysia@Perak



## PERUNTUKAN BAJET ONE-OFF TAHUN 2020

Pada tahun 2020, jabatan telah Jabatan mendapat peruntukan melalui Bajet One-Off Tahun 2020 untuk menaiktaraf Sistem Maklumat Perancangan (SISIP), satu unit perisian Window Server dan satu unit server. Sistem SISIP perlu dinaiktaraf kerana sistem ini telah digunakan sejak Tahun 2008 yang menyebabkan server sedia ada memerlukan penggantian kepada server yang baru.

Sistem SISIP versi 2.0 telah dibangunkan bagi menaiktaraf sistem SISIP sedia ada yang perlu perubahan seiring dengan proses kerja masa kini. Sistem SISIP versi 2.0 boleh diakses di URL <http://sisip.perak.gov.my/>. Sistem SISIP versi 2.0 mewujudkan pertambahan modul-modul baru seperti modul Peta Web, Modul Perunding dan Modul MyLCP bagi memenuhi keperluan semasa proses kerja.

Modul Peta Web diwujudkan bagi memudahkan proses kerja dari Sistem SISIP terus berintegrasi dengan Modul Peta Web melalui No Lot. Pengguna sistem boleh memberi ulasan permohonan seperti gunatanah persekitaran kawasan permohonan, topografi, lokasi tapak permohonan melalui Modul Peta Web. Pengguna sistem juga boleh mengakses lokasi permohonan tersebut sekiranya mesyuarat di luar pejabat memerlukan *details* mengenai permohonan tersebut dengan mengakses Sistem SISIP versi 2.0 yang sebelum ini Modul Peta hanya boleh diakses di pejabat secara Local Area Network.

Modul Perunding diwujudkan bagi membolehkan pihak perunding yang berdaftar menghantar format pelan pemajuan secara atas talian untuk semakan Bahagian Kawalan Perancangan. Modul perunding ini juga diwujudkan seiring dengan penggunaan Sistem OSC Online. Perunding perlu mengemukakan Format Pelan digital susun atur berformat Autocad drawing (.dwg), Pelan digital susun atur berformat Shapefile (.shp), Pelan digital pinta ukur berformat Autocad drawing (.dwg), Pelan digital pinta ukur berformat Shapefile (.shp) dan Pelan topografi berformat Autocad drawing (.dwg).

Modul MyLCP (Laporan Cadangan Pemajuan) diwujudkan bagi memudahkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menggunakan MyLCP secara atas talian yang sebelum ini digunakan secara manual dalam Microsoft Office Excel. Perunding boleh memilih kategori Jenis Laporan Cadangan Pemajuan seperti Pendirian Bangunan, Perobohan Bangunan, Pengubahan Bangunan dan Pemajuan Melibatkan Ruang Udara. Skala markah laporan cadangan pemajuan diisi dan jumlah markah dikira secara auto dari sistem.



## AKTIVITI JABATAN 2020

## SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA (HPBS) PERINGKAT KEBANGSAAN 2020

Majlis Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 2020 (#HPBS2020) berlangsung pada 10 November 2020 yang diadakan secara atas talian sepenuhnya bertemakan **“Norma Baharu : Perancangan Melangkaui Kelaziman”**. Perasmian sambutan HPBS 2020 iaitu Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin menyatakan peranan PLANMalaysia sebagai agensi peneraju guna tanah di negara ini perlu diperkasa kerana pembangunan bandar mampan secara sistematik, relevan dan menyeluruh penting bagi kesejahteraan masyarakat. Turut hadir memeriahkan sambutan secara atas talian iaitu PLANMalaysia@Negeri, Malaysian Institute of Planners (MIP) dan semua profession yang terlibat dengan perancang bandar menerusi pautan Google Meet dan siaran secara lansung di media sosial Facebook PLANMalaysia.



Perutusan Khas HPBS 2020 daripada YB Dato' Ahmad Suaidi Bin Abdul Rahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak



Pegawai-pegawai PLANMalaysia@Perak menerusi sambutan secara atas talian pada 10 November 2020 bersempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2020 Peringkat Kebangsaan.



Seramai 15 penerima Anugerah Kejiranran Hijau (AKH) 2020 telah diumumkan sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia. Penganugerahan ini dinilai berdasarkan pelaksanaan inisiatif kejiranran hijau yang melibatkan Kebun Kejiranran, Pengkomposan Sisa, Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAH), Penyediaan Laluan Basikal, Penyediaan Laluan Pejalan Kaki dan inisiatif-inisiatif hijau yang lain. Pemenang AKH 2020 di Negeri Perak seperti berikut;

- i. Kategori Pihak Berkuastra Tempatan - Kategori Majlis Daerah : Bandar Baru Kampar (Majlis Daerah Kampar).
- ii. Kategori Perumahan Bertanah - Tempat Ketiga : Tuan Syed Azwan bin Syed Omar, Taman Indah Jaya, Ipoh.
- iii. Kategori Kampung dalam Bandar -Tempat Kedua : Encik Wong Chee Meng, Desa Lawan Kuda, Gopeng.

Penghargaan Bandar Mampan 2020 juga telah diumumkan untuk menghargai PBT yang telah berusaha dan berjaya mencapai status bandar mampan. Pemilihan penerima penghargaan bandar mampan dibuat berdasarkan Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar-Luar Bandar Malaysia #MURNInets 2.0 yang dicerap menerusi aplikasi Sistem Gerbang MURNInets 2.0. Ia merupakan satu sistem atas talian yang dibangunkan oleh #PLANMalaysia untuk membantu PBT dalam mengumpul maklumat, memantau serta membuat penilaian data bagi menentukan tahap kemampanan Bandar. Bagi Negeri Perak, Majlis Daerah Gerik telah memenangi tempat ketiga Kawasan PBT bertaraf Daerah paling mampan.



## RANCANGAN KORPORAT JABATAN

Pada tahun 2021, jabatan telah mengadakan Rancangan Korporat Jabatan di Bilik Mesyuarat Royal Belum PLANMalaysia@Perak pada 3 hingga 5 haribulan Mac 2021 bagi merancang hala tuju jabatan. Kelewatian melaksanakan perbincangan ini disebabkan oleh gelombang kedua pandemik Covid-19 yang melanda negara dan seluruh dunia.



## LAWATAN PLANMALAYSIA@MELAKA PADA 27 DAN 28 OGOS 2020



## LAWATAN KERJA KETUA PENGARAH PLAN MALAYSIA KE PLANMALAYSIA@PERAK PADA 11 SEPTEMBER 2020.



## MESYUARAT AGUNG KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN (KESUBA) PLANMALAYSIA@PERAK PADA 9 JULAI 2021

Kelab Sukan dan Kebajikan (KESUBA) JPBD Perak ditadbir oleh 13 orang Jawatankuasa diterajui oleh Yang DiPertua yang dipilih dalam Mesyuarat Agung. Jawatankuasa berkenaan berkhidmat bagi tempoh 2 tahun mengikut jawatan yang disandang. Terdapat 3 Biro yang menjadi penggerak utama bagi menjalankan kegiatan-kegiatan yang telah diperakurkan oleh Jawatankuasa. Biro-biro yang dimaksudkan ialah:

- a. Biro Sukan
- b. Biro Sosial dan Kebajikan
- c. Biro Ekonomi

Setiap Biro diketuai seorang Pengurus yang dilantik di dalam Mesyuarat Agung. Pengurus Biro bertanggungjawab membentuk satu jawatankuasa kecil yang dianggotai oleh ahli-ahli kelab yang dilantik oleh beliau. Jawatankuasa Kecil berkenaan menjalankan mesyuarat dalam menentukan kegiatan-kegiatan yang perlu dilaksanakan oleh kelab dan cadangan tersebut akan dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Kelab untuk kelulusan dan perakuan.

Jawatankuasa KESUBA bagi sesi 2019-2021 telah berjaya menggiatkan beberapa kegiatan kelab sepanjang tahun 2020. Walaupun terdapat kekangan disebabkan pandemik Covid-19, beberapa program berjaya dilaksanakan di bawah Biro Sosial dan Kebajikan dan aktiviti-aktiviti sukan yang dibenarkan mengikut SOP yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).





## AKTIVITI KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN (KESUBA)

Sumbangan bonus dan pemberian cenderahati sempena sambutan Hari Raya Aidiladha:

Sempena Mesyuarat AGM ke-38 yang telah diadakan pada 24 Julai 2020, pihak KESUBA telah menyelesaikan pengagihan sumbangan bonus (wang tunai RM100.00) dan sumbangan aidiladha (bekas tingkat jenama Tupperware) kepada 105 ahli-ahli KESUBA.

Persiapan dan pengagihan sumbangan bonus dan pemberian cenderahati kepada Ahli-ahli Sempena Sambutan Hari Raya Aidiladha.

## Aktiviti-aktiviti Biro Sukan Sepanjang Tahun 2020

Pencapaian biro sukan pada tahun ini secara keseluruhan adalah memuaskan sahaja dimana aktiviti-aktiviti yang dirancang tidak dapat dilaksanakan akibat pandemik Covid-19. Walau bagaimanapun, dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), pihak biro telah mengadakan beberapa siri perlawan-an persahabatan dengan mematuhi SOP yang telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Berikut adalah senarai aktiviti biro sukan sepanjang tahun:

Biro sukan KESUBA JPBD Perak telah mengadakan 9 perlawan-an persahabatan bola sepak melibatkan 6 perlawan di Ipoh (home match) dan 3 perlawan di luar Ipoh (away match).



## PROGRAM PEMBANGUNAN INSAN DAN NILAI MURNI

Biro Sosial dan Kebajikan berperanan mengadakan aktiviti sosial dan juga kebajikan bagi warga JPBD yang mana semua aktiviti tersebut bertujuan mengeratkan lagi ikatan siratulrahim dikalangan warga. Diantara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun 2020 adalah seperti berikut;

### BIL NAMA PROGRAM

1. Sumbangan bonus dan pemberian cenderahati sempena sambutan Hari Raya Aidiladha
2. Sumbangan Perkahwinan Ahli
3. Sumbangan sempena Pertukaran Ahli
4. Sumbangan sempena Persaraan Ahli Tahun 2020
5. Lawatan Warga Yang Ditimpak Musibah





Pertukaran Ahli Sepanjang Tahun 2020



Majlis Perkahwinan yang melibatkan dua ahli

#### Perpisahan / Pertukaran Ahli

Sepanjang tahun 2020, seramai lima (5) orang ahli telah bertukar ke jabatan lain. Pihak Biro juga telah membuat kutipan sumbangan daripada ahli-ahli sempena pertukaran pegawai-pegawai yang terlibat dan kesemua kutipan sumbangan tersebut telah diserahkan kepada mereka. Ahli-ahli KESUBA yang bertukar ini juga turut menerima cenderahati sama ada melalui pegawai-pegawai dan daripada Bahagian masing-masing sebagai menghargai jasa dan sumbangan mereka di jabatan ini.

Bil.	Nama	No. Ahli
1.	En. Shahidi bin Yusop	KSK 405/2016
2.	En. Abdullah bin Ab Rahman	KSK 453/2018
3.	Pn. Noor Hamijahtul binti Ramli	KSK 459/2019
4.	En. Muhammi bin Mohamed	KSK 430/2017
5.	En. Muhammad Hafiz bin Omar	KSK 421/2016




## ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

## ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2019

Sebagai penghargaan kepada warga yang telah menunjukkan prestasi yang membanggakan, jabatan telah mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2019 pada 11 September 2020 bertempat di Hotel Casuarina@Meru yang disampaikan oleh YBHG, Dato' TPr. Mohd Anuar Bin Maidin, Ketua Pengarah PLANMalaysia. Tahniah dan syabas diucapkan kepada 8 orang warga yang telah menerima penganugerahan berkenaan.



Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Bergambar Bersama Ketua Pengarah PLANMalaysia





Laman Web Rasmi

**PLANMalaysia@Perak**  
(JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA  
PERAK DARUL RIDZUAN)

Perancangan Melangkaui  
Kelaziman  
(Planning Beyond Conventional)